



INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC BUSINESS

<http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijib>

How to cite this article:

Abu Bakar, N. A., Hashim, N., Othman, A., Md Tahir, R. & Mohd Azlan, M. N. N. (2022). Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 61-76. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>

SEKOLAH ZAKAT: PELUANG PENINGKATAN KUALITI HIDUP MENERUSI INSTITUSI PENDIDIKAN

Nurul Azma Abu Bakar¹, Norashidah Hashim², Azizah Othman¹,
Raziah Md Tahir¹, Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan³,

¹ Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

² Pusat Pengajian Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

³ Lembaga Zakat Negeri Kedah

Corresponding author: nurul.azma.abu@uum.edu.my

Received: 31 May 2022

Revised: 17 June 2022

Accepted: 25 June 2022

Published: 30 June 2022

ABSTRAK

Pendidikan merupakan antara elemen penting yang menjadi ukuran kualiti hidup manusia. Malah Islam juga sangat menekankan pendidikan dan kepentingan menuntut ilmu melalui wahyu pertama yang diturunkan. Namun begitu, bagi golongan asnaf, cabaran mereka lebih besar dalam memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, pakaian dan makanan. Oleh itu, pendidikan dilihat jauh dari jangkauan mereka. Di sini, institusi zakat memainkan peranan yang penting bagi membantu asnaf melepaskan diri dari kepompong kemiskinan, seterusnya meningkatkan kualiti hidup bermula dengan pendidikan. Penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji bantuan zakat yang diberikan dan kesan bantuan terhadap kualiti hidup. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Menggunakan persampelan bertujuan, 10 informan dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Sekolah Zakat Kedah (SZK) ditemu bual. Analisis data dibantu dengan perisian Atlas.TI 9. Data bantuan-bantuan zakat pendidikan SZK diuraikan secara terperinci dari tahun 2017 hingga 2021. Dapatan penyelidikan mendapati bahawa bantuan yang diberikan oleh LZNK menerusi SZK dapat membantu meneruskan kelangsungan operasi sekolah, memberi akses pendidikan kepada anak-anak asnaf dan juga memberi peluang kepada para guru dan komuniti sekitar yang merupakan sistem sokongan sekolah untuk menambahbaik kualiti hidup mereka secara tidak langsung. Dapatan penyelidikan ini diharap dapat membantu institusi zakat untuk mempertimbangkan potensi, mengaplikasi dan mengembangkan lagi model SZK ini bagi membantu keluarga asnaf dari aspek pendidikan.

Kata kunci: Zakat, Pendidikan, Kualiti Hidup.

ZAKAT SCHOOL: OPPORTUNITIES FOR QUALITY OF LIFE IMPROVEMENT THROUGH EDUCATIONAL INSTITUTIONS

ABSTRACT

Education is one of the core elements that determine the quality of life. In Islam, the first revelation had placed a great emphasis on education and the importance of learning. However, the substantial challenge for the asnaf lingers on how to meet the basic needs such as having shelter, clothes and food. Therefore, education is far from their reach. Zakat institutions play an important role in supporting asnaf to escape from this vicious cycle, thus improving their quality of life, starting with education. This research was carried out to examine the zakat aid provided and the impact of the aid towards quality of life. This research uses a qualitative approach. Using purposive sampling, 10 informants from Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) and Sekolah Zakat Kedah (SZK) were interviewed. Atlas.TI 9 software used in the data analysis process. Zakat fund allocated for SZK from 2017 to 2021 describe in detail. The finding reveals that the zakat aid allocated by LZNK to SZK assists the schools to continue their operation and bring forth the education access to the asnaf. Furthermore, the zakat aid also provides opportunities to the teachers and the local community, which are part of the schools' support system, to indirectly improve their quality of life. The findings of this research are expected to help zakat institutions to consider the potential, apply and further develop this model of SZK to help the asnaf families in terms of education.

Keywords: Zakat, Education, Quality of Life.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat akan hidup dalam keadaan mundur di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa (Stapa et al., 2012). Kepentingan pendidikan telah lama diberi perhatian oleh kerajaan. Buktinya, Laporan Barnes 1950 dan Laporan Fenn-Wu 1951 antara laporan awal membincangkan halatuju sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum memperoleh kemerdekaan. Ordinan Pelajaran 1952 ditubuhkan berdasarkan kedua-dua laporan ini. Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis ke arah pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas merdeka pada tahun 1957, Malaysia merupakan negara baru dan memulakan zaman untuk mengukuhkan semula pendidikan negara supaya selari dengan matlamat perpaduan nasional (Mior Jamaluddin, 2011).

Dalam usaha untuk mengukuhkan sistem pendidikan negara, antara cabaran besar perlu dihadapi ialah kemiskinan. Semasa tahun 1970, Malaysia merekodkan insiden kemiskinan sebanyak 49.3% dari keseluruhan 1.6 juta isi rumah. Kaum Bumiputera merupakan golongan terbesar yang berada dalam kategori miskin. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membasmi kemiskinan, terutama di kalangan Bumiputera. Pendidikan dilihat sebagai satu jalan untuk masyarakat memperbaiki taraf hidup seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan. Pelbagai usaha giat dilaksanakan dalam sektor pendidikan. Antaranya ialah dengan meningkatkan peruntukan pembangunan, menambah bilangan institusi pendidikan berkaitan, meningkatkan bilangan guru berijazah dan pelbagai lagi usaha bagi membolehkan seluruh lapisan masyarakat mempunyai akses kepada pendidikan (Ali et al., 2009).

Bagi memastikan pendidikan mampu diakses oleh semua pihak, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Contohnya, program Rancangan Makanan Tambahan diwujudkan bagi membolehkan pelajar sekolah rendah dari kalangan keluarga

kurang berkemampuan menikmati sarapan yang berkhasiat sebelum memulakan sesi pembelajaran. Skim Pinjaman Buku Teks pula telah dilancarkan sejak tahun 1975 untuk semua pelajar sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Pada tahun 1983, program ini telah diperluas ke semua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang berdaftar dengan Majlis/ Jabatan /Yayasan Agama Islam Negeri. Selain itu, KPM juga bertanggungjawab melaksanakan Bantuan Makanan Pra-Sekolah, Bantuan Murid Berkeperluan Khas, Bantuan Makanan Asrama, Bantuan Awal Persekolahan dan banyak lagi inisiatif lain.

Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membolehkan semua pihak mendapat akses pendidikan, masalah keciciran masih lagi berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Berdasarkan laporan dari *Institute for Democracy and Economic Affairs* (IDEAS), pada tahun 2012, kes keciciran pelajar sekolah adalah sebanyak lebih kurang 40,000 (Putra, 2021). Menurut Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr. Mah Hang Soon, 34,074 pelajar berhenti sekolah pada tahun 2018 (Mohd Khalid, 2021). Antara faktor yang sering dikaitkan dengan keciciran ini adalah kesempitan hidup dan kemiskinan (Jamaluddin, 2011) serta kurangnya penekanan ibu bapa terhadap pendidikan (Subra et al., 2019). Isu ini adalah sangat penting untuk ditangani, selari dengan matlamat Malaysia untuk mengurangkan insiden kemiskinan menerusi pendidikan.

PENDIDIKAN DAN KUALITI HIDUP

Islam adalah agama yang sangat menekankan pendidikan. Al-Quran telah memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Islam, agar umatnya terus belajar serta menyelidiki sesuatu perkara. Hal ini terbukti di dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam Surah al-Alaq;

“Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

Surah al-Alaq (Ayat 1 – 5)

Perkataan *iqra'* yang bermaksud bacalah, diulang beberapa kali sebagai tanda umat Islam mesti belajar, mengkaji dan mencari ilmu (Stapa et al., 2012). Ayat ini menunjukkan isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan.

Pendidikan mempunyai impak yang besar terhadap pelbagai peluang hidup manusia untuk memperoleh dan mengekalkan kualiti kehidupan (Ross & Wu, 1996). Kualiti hidup ini mempunyai definisi yang sangat luas, subjektif dan boleh diukur dari pelbagai perspektif. Dari perspektif umum, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kualiti hidup sebagai persepsi individu terhadap keadaan hidup mereka dalam konteks budaya dan nilai hidup merujuk kepada di mana mereka berada. Ianya berhubungkait dengan sasaran hidup, jangkaan dan standard. Dalam bahasa yang lebih mudah, kualiti hidup ditafsirkan sebagai satu darjah keselesaan atau kesejahteraan yang dapat dinikmati oleh individu atau sekumpulan manusia (Ross & Willigen, 1997).

Penentu kualiti hidup ini adalah berbeza, bergantung kepada perspektif yang digunakan. Dalam mengukur kualiti hidup sesebuah negara, penyelidik terdahulu selalunya mengaitkan dengan pendapatan per kapita, jangka hayat, kadar kematian, kadar buta huruf, tahap pendidikan yang diperolehi, pengangguran dan banyak lagi faktor lain (Jason et al., 2012). Dalam konteks masyarakat yang lebih spesifik, kualiti hidup dinilai dari petunjuk seperti akses terhadap bandar, kesediaan diri dan persekitaran bandar. Ketiga-tiga petunjuk ini mempunyai sub-petunjuk yang lebih kecil, misalnya di bawah kesediaan diri, ianya merangkumi pendidikan, pendapatan, kesihatan dan kehidupan keluarga (Awang et al., 2006). Dari perspektif yang lebih kecil seperti individu yang bekerja, kualiti hidup dikatakan perlu mempunyai

ciri-ciri seperti kesejahteraan dan kesihatan pekerja, jaminan pekerjaan, hala tuju kerjaya, keseimbangan kerja dan kehidupan, pembangunan diri dan sebagainya (Akranavičiūtė & Ruževičius, 2007).

Dalam membincangkan kepentingan pendidikan dan kualiti hidup, kebanyakan penyelidik turut mengaitkan situasi ini dengan kemiskinan. Jamaluddin (2011) menerangkan mengenai konsep lingkaran kemiskinan (*vicious cycle*), satu keadaan di mana kemiskinan dilihat dalam konteks miskin minda, pengetahuan serta ilmu/pelajaran. Ia turut berkait rapat dengan kurangnya kemampuan mendapatkan keperluan asasi seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian serta keperluan sosial seperti pendidikan dan perubatan. Jika tiada intervensi dilakukan, keluarga yang berada di dalam lingkaran ini akan terus menerus hidup dalam kemiskinan. Hal ini kerana kurangnya kemampuan ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Taraf pendidikan yang rendah ini menyukarkan anak-anak untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik, memperbaiki ekonomi diri dan meningkatkan kualiti hidup.

Ahmad (2008) telah menghuraikan bagaimana pendidikan berperanan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Menurut beliau, individu yang rendah tahap pendidikannya cenderung untuk berhadapan dengan masalah ekonomi. Golongan ini kurang diminati oleh organisasi pekerjaan. Jika mereka diterima bekerja, golongan ini hanya diberi jawatan dan gaji yang rendah. Sebaliknya, taraf pendidikan yang baik mampu membuka laluan kepada individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang lebih baik, membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia luar seterusnya memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih baik.

Selari dengan Ahmad (2008), kajian kes oleh Maznah et al. (2016) menerangkan dengan lebih lanjut tentang perbezaan kualiti hidup antara ketua isi rumah yang berpendidikan rendah dan berpendidikan tinggi. Bagi mereka yang mempunyai tahap pendidikan ijazah dan ke atas, mereka berupaya memasuki sektor kerajaan atau swasta dengan kadar upah yang lebih lumayan, dengan pendapatan isi rumah melebihi RM8,000.00 sebulan. Keadaan ini membolehkan mereka mempunyai tabungan serta menggunakan barang dan perkhidmatan yang lebih baik. Antara item yang diuji dan dibuktikan oleh Maznah et al. (2016) ialah keupayaan memiliki rumah selain tempat tinggal sedia ada, kenderaan, komputer, internet dan penyaman udara di rumah serta caruman insurans. Golongan ini juga mempunyai lebihan untuk tabungan seperti simpanan hari tua, pendidikan dan sebagainya.

Akses terhadap pendidikan merupakan antara faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Samion & Awang, 2017). Ini kerana, apabila golongan yang kurang berkemampuan atau miskin ini telah menyedari betapa pentingnya pendidikan, mereka ini patut dibantu dari segi peluang melanjutkan pelajaran, khususnya kepada anak-anak mereka. Wahed et al. (2004) menyarankan bahawa bantuan diberi dalam bentuk biasiswa pendidikan, terutama oleh institusi zakat, kerana pihak kerajaan telah menyediakan bantuan dari segi yuran dan makanan di sekolah kepada anak-anak golongan miskin.

Harmini et al. (2018) dan Razak (2020) telah mengupas bagaimana zakat berperanan meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan, masing-masing di Indonesia dan Malaysia. Kajian oleh Harmini et al. (2018) menumpukan kepada keperluan spiritual dan material oleh asnaf, di mana bantuan zakat mampu meningkatkan keupayaan asnaf dalam menjana pendapatan yang lebih tinggi, pada masa yang sama turut mendidik mereka mengenai kepentingan solat, berpuasa dan penjagaan rohani. Namun begitu, faktor kemiskinan merupakan cabaran besar dalam meyakinkan asnaf mengenai kepentingan pendidikan dan terus menyekolahkan anak-anak mereka. Razak (2020) seterusnya menerangkan bagaimana agihan zakat pendidikan secara langsung dalam bentuk biasiswa kepada pelajar dan juga pembinaan fasiliti pendidikan mampu membantu golongan ini untuk meneruskan pelajaran mereka. Dengan adanya bantuan seperti ini, risiko keciciran akibat kemiskinan dapat dikurangkan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih sejahtera. Pendidikan sempurna yang bermula di peringkat awal persekolahan mampu melahirkan generasi yang bertamadun, menyumbang kepada perkembangan diri, bangsa seterusnya agama (Samion & Awang, 2017). Dalam usaha ke arah penambahbaikan kualiti hidup ini, Islam telah menawarkan zakat sebagai mekanisme atau solusi yang mampu menjamin keadilan sosio-ekonomi masyarakat (Ibrahim, 2008). Golongan asnaf ini perlu diberi lebih perhatian supaya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan mengubah hidup kepada yang lebih baik (Ab Rahman & Anwar, 2014b).

ZAKAT DAN PENDIDIKAN ASNAF

Zakat telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat, dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual (Ibrahim, 2008). Antara usaha yang dicadangkan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui zakat ialah dengan menyediakan bantuan modal untuk usahawan asnaf, latihan teknikal dan vokasional, bantuan sektor pertanian dan pembiayaan pendidikan (Sadeq, 1996).

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh institusi zakat dalam usaha membantu asnaf memperbaiki taraf hidup mereka menerusi pendidikan. Kajian oleh penyelidik terdahulu biasanya tertumpu kepada pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi atau gabungan semua tahap pendidikan ini. Ab Rahman dan Anwar (2014a) telah membincangkan secara terperinci mengenai usaha Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam menyampaikan bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf. Seramai 54,725 penerima bantuan pendidikan di bawah program pembangunan pendidikan di Selangor dan ia melibatkan dana zakat sebanyak RM140,103,080. Jumlah ini bersamaan dengan 40% keseluruhan agihan zakat mengikut program pembangunan pada tahun 2012. Antara bantuan yang dihulurkan adalah biasiswa pelajaran, bantuan yuran, dermasiswa, yuran kehadiran kelas agama, elaun guru KAFA dan dermasiswa hufaz Al-Quran.

Kajian oleh Ismail dan Daud (2015) pula menumpukan kepada bantuan zakat pendidikan terhadap asnaf dalam kategori Ibn Al-Sabil, yang menyambung pelajaran ke luar negara. RM2.38 juta diperuntukkan bermula tahun 2008 hingga 2013, merangkumi bantuan tiket perjalanan sehala pergi, perjalanan sehala pulang dan juga wang saku persediaan perjalanan sebanyak RM1,000.00 seorang. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, Muhamad et al. (2018) pula mengkaji mengenai perspektif penerima bantuan zakat pendidikan terhadap keberkesanan pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian beliau melaporkan bahawa pengagihan zakat dibuat secara sistematik dan profesional, seterusnya meringankan beban pelajar dalam membayar yuran, belanja makan harian, pembelian buku dan sebagainya.

Othman dan Abdul Mukti (2018) menumpukan kepada zakat pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi. Melalui mekanisme agihan semula, institusi pengajian tinggi layak memperoleh 3/8 dari kutipan zakat pendapatan kakitangan institusi pengajian tinggi terlibat. Mekanisme ini dapat membantu meningkatkan kutipan zakat pendapatan, dan agihannya dimanfaatkan oleh institusi melalui bantuan kepada pelajar dan masyarakat setempat, dana penyelidikan, pengurusan, pembangunan dan lain-lain lagi. Pada tahun 2018, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah memperoleh RM3.37 juta manakala Universiti Utara Malaysia (UUM) memperoleh RM1.24 juta melalui agihan semula ini.

Putri dan Prahesti (2017) serta Othman et al. (2019) pula mengupas mengenai bantuan pendidikan yang lebih khusus di peringkat persekolahan. Penyelidikan Othman et. al (2019) fokus kepada sekolah yang dikendalikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), yang dijenamakan sebagai Sekolah Zakat

Kedah manakala penyelidikan Putri dan Prahesti (2017) dilaksanakan di Indonesia. Dapatan kedua-dua kajian menyatakan bahawa kewujudan sekolah ini memberi peluang kepada pelajar dari keluarga fakir dan miskin untuk mendapatkan pendidikan serta mengurangkan beban keluarga dengan bayaran-bayaran persekolahan seperti uniform, aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya. Walaupun jumlah bantuan yang diterima oleh sekolah adalah pada kadar yang berbeza, matlamat bantuan pendidikan ini masih berkisar tentang pengurangan keciciran dalam kalangan asnaf, meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan skil, mewujudkan keadilan dalam sektor pendidikan dan menyumbang kepada pembangunan moral asnaf pada masa hadapan.

Dalam konteks yang lebih spesifik, Rizal et al. (2020) membincangkan mengenai permasalahan pelajar lepasan asrama sekolah agama mempunyai kelemahan dalam subjek pengiraan, manakala pelajar dari sekolah biasa pula berdepan dengan isu asas bidang shariah. Bagi mengatasi masalah ini, Rizal et al. (2020) mencadangkan model sekolah berasrama berteraskan ekonomi Islam. Model ini mengintegrasikan sistem wakaf dan zakat, serta melibatkan pelbagai pemegang taruh dari akademik dan juga industri. Objektif model ini adalah menghasilkan pelajar yang mampu menguasai kedua-dua bidang iaitu shariah dan ekonomi Islam. Antara intipati model ini adalah latihan tahsin Al-Quran, ekonomi Islam, ekonomi konvensional, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, keusahawanan sosial dan lain-lain lagi.

Kajian oleh Othman et al. (2020) fokus kepada bantuan zakat pendidikan secara menyeluruh di negeri Kedah, dengan menggunakan kaedah temu bual. Berdasarkan data tahun 2016 – 2019, LZNK telah mengagihkan RM186 juta zakat melalui 29 jenis bantuan yang berbeza. Antara bantuan yang diberikan ialah bantuan awal persekolahan, bayaran yuran peperiksaan, yuran makanan asrama, dermasiswa pelajar institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dan lain-lain. Othman et al. (2020) juga membincangkan isu-isu berkaitan bantuan zakat seperti kelewatan bantuan, saluran agihan dan potensi sumbangan bekas penerima bantuan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa institusi zakat telah pun memainkan peranan yang penting dalam pendidikan asnaf. Dana yang besar untuk pendidikan diperuntukkan oleh pelbagai institusi zakat. Penyelidikan terdahulu juga telah membuktikan peri pentingnya pendidikan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup manusia. Walaupun begitu, pemerhatian Khalifah et al. (2022) menunjukkan bahawa trend penyelidikan zakat sejak tahun 1964 – 2021 adalah lebih tertumpu kepada isu institusi zakat, pengurusan dan agihan. Dalam konteks zakat pendidikan, masih banyak ruang yang boleh dikaji, dalam pelbagai fasa sama ada pendidikan rendah, menengah mahupun pendidikan tinggi, supaya dana zakat pendidikan yang diberikan dapat memberi manfaat dan impak positif kepada golongan asnaf dan juga pemegang taruh yang berkaitan. Oleh itu, penyelidikan ini cuba untuk menyumbang kepada literatur berkaitan zakat dengan fokus pada pendidikan menengah, melalui persoalan penyelidikan berikut;

1. Apakah bentuk bantuan zakat yang diberikan oleh institusi zakat di peringkat pendidikan menengah?
2. Bagaimana bantuan zakat peringkat pendidikan menengah ini memberi kesan kepada kualiti hidup pemegang taruh berkaitan?

Skop dan metodologi yang digunakan akan diterangkan di bahagian yang seterusnya.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif untuk meneroka bentuk bantuan dan kesan bantuan zakat terhadap peningkatan kualiti hidup menerusi institusi pendidikan. SZK telah dipilih sebagai institusi pendidikan menengah dalam skop penyelidikan ini kerana pelajar yang berada di SZK ditaja sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Dua SZK yang dipilih ialah Maahad Dini

Sultan Abdul Halim Sik dan Sekolah Keusahawanan Zakat Kedah (KASAH Keusahawanan). Penyelidikan ini menggunakan persampelan bertujuan dalam memilih informan, supaya informan ini dapat memberi maklumat yang relevan dan tepat (Yin, 2014). Ketua Bahagian Pendidikan dari LZNK dipilih untuk menerangkan bantuan-bantuan yang disalurkan kepada SZK. Temu bual di SZK pula bermula dengan pihak atasan sekolah iaitu Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM). Menggunakan strategi *snowball*, sebagaimana saranan Merriam (2009), PK HEM seterusnya mencadangkan guru-guru yang boleh memberi maklumat berkenaan penyelidikan ini. Di dalam penyelidikan kuantitatif, apabila maklumat telah mencapai tahap tepu (*saturated*), di mana informan yang ditemu bual menyampaikan perkara yang sama bagi setiap soalan, maka sesi kutipan data wajar ditamatkan (Patton, 2002). Oleh itu, mengambilkira skop penyelidikan hanya dua buah sekolah sahaja, sepuluh informan ini adalah memadai bagi penyelidikan ini, berdasarkan pendapat Patton (2002). Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat informan yang ditemu bual serta kod informan yang akan digunakan di bahagian perbincangan;

Jadual 1
Maklumat Informan

Institusi	Informan	Kod Informan
LZNK	Ketua Bahagian Pendidikan	A
Maahad Dini Sik	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	B
	Guru Kelas Tingkatan 1/Warden	C
	Guru Kelas Tingkatan 2	D
	Guru Kelas Tingkatan 3	E
KASAH Keusahawanan	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	F
	Guru Kelas Tingkatan 4	G
	Guru Kelas Tingkatan 5	H
	Guru Kaunseling/Warden Perempuan	I
	Guru Kaunseling/Warden Lelaki	J

Disebabkan larangan merentas daerah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia semasa pandemik Covid-19, semua temu bual dilaksanakan secara dalam talian bermula dari Julai sehingga September 2021. Walaupun begitu, lawatan ke sekolah tetap dibuat selepas PKP ditamatkan. Temu bual dirakam dan transkrip temu bual dihasilkan bagi tujuan analisis. Analisis data merangkumi proses pengekodan dan pengkelasan. Kod dan tema yang memberi makna terhadap penyelidikan dikenalpasti. Proses analisis ini dipermudahkan melalui perisian Atlas.TI 9. Bagi menjamin kredibiliti data, penyelidik menggunakan teknik triangulasi sumber, supaya maklumat yang diberikan oleh informan dapat disahkan oleh informan yang lain (Shenton, 2004). Dapatan penyelidikan akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

DAPATAN PENYELIDIKAN

Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik

Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik (MDS) terletak di Kampung Belantik, Sik, Kedah. Nama asal MDS adalah Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Ihsaniah, iaitu Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah beroperasi sejak tahun 1990an. Semasa masih berstatus SAR, MDS kerap kali ditutup dan dibuka semula berikutan masalah kewangan. Pada tahun 2019, pihak LZNK telah mengambil sepenuhnya SMA Al-Ihsaniah dan dijenamakan semula sebagai Maahad Dini Sultan Abdul Halim. Sehingga 2021, jumlah pelajar adalah seramai 103 orang dan jumlah kakitangan seramai 32 orang. Berikut merupakan pecahan terperinci bilangan kakitangan dan pelajar di MDS;

Jadual 2
Maklumat Kakitangan Dan Pelajar MDS (Disember 2021)

Maklumat kakitangan	Pengurusan atasan	Pendidik	Pentadbiran	Sokongan	Jumlah
	4 orang	14 orang	4 orang	10 orang	
Maklumat kelas Tingkatan 1	Kelas 1		Kelas 2		29
	15 orang		14 orang		
Maklumat kelas Tingkatan 2	Kelas 1		Kelas 2		46
	23 orang		23 orang		
Maklumat kelas Tingkatan 3	Kelas 1				28
	28 orang				

KASAH Keusahawanan

Pada asalnya, Sekolah Keusahawanan Zakat Kedah dikenali sebagai Maahad Dini Alor Setar. Terdapat satu lagi sekolah di bawah fasiliti yang sama iaitu Pondok Moden Zakat Kedah (Pondok Moden). Bagi tujuan naik taraf ke Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), nama Pondok Moden digantikan dengan Sekolah Ulul Albab Zakat Kedah dan Maahad Dini Alor Setar ditukar kepada Sekolah Keusahawanan Zakat Kedah. Kedua-duanya berada di bawah jenama Kolej Agama Sultan Abdul Halim (KASAH) dengan singkatan KASAH Ulul Albab dan KASAH Keusahawanan. Penyelidikan ini hanya menumpukan kepada kategori asnaf fakir dan miskin sahaja. Oleh itu, KASAH Ulul Albab yang membiayai asnaf fi sabilillah adalah tidak diambil kira. Berikut merupakan maklumat mengenai pelajar dan kakitangan sekolah;

Jadual 3
Maklumat Kakitangan Dan Pelajar KASAH Keusahawanan (Disember 2021)

Maklumat kakitangan	Pengurusan atasan	Pendidik	Pentadbiran	Sokongan	Jumlah
	6 orang	23 orang	5 orang	4 orang	38
Maklumat kelas Tingkatan 4	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	75
	19 orang	17 orang	22 orang	17 orang	
Maklumat kelas Tingkatan 5	Kelas 1	Kelas 2	-	-	33
	15 orang	18 orang	-	-	

Agihan Dana Zakat Untuk SZK

LZKNK telah memperuntukkan jumlah yang besar untuk menyokong pendidikan anak-anak asnaf. Bermula tahun 2017 sehingga tahun 2021, dana yang diagihkan untuk kedua-dua sekolah ini adalah sebanyak RM41,096,550.00. Dana yang diagihkan kepada SZK boleh dikategorikan kepada empat iaitu kemasukan pelajar, operasi, pembangunan infrastruktur dan lain-lain kategori.

Jadual 4
Agihan Dana Zakat Untuk MDS dan KASAH Keusahawanan

Kategori	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	Jumlah (RM)
Kemasukan pelajar	Belum mula operasi	2,900,000	1,000,000	3,300,000	2,880,000	10,080,000
Operasi		1,100,000	1,300,000	3,800,000	3,500,000	9,700,000

Pembangunan infrastruktur	6,924,114	363,569	-	6,000,000	5,000,000	18,287,684
Lain-lain	Belum mula operasi	843	5,439,38	3,022,583	-	3,028,866
Jumlah	6,924,114	4,364,413	2,305,439	16,122,583	11,380,000	41,096,550

Kemasukan Pelajar

LZKNK memperuntukkan RM9,000.00 setahun untuk seorang pelajar. RM7,200.00 untuk peruntukan makanan, di mana semua pelajar tajaan zakat perlu menginap di asrama yang disediakan. Dengan nilai RM20.00 sehari, pelajar dapat menikmati hidangan lima kali sehari. Peruntukan makanan ini tidak diberi kepada pelajar, tetapi kepada operator penyedia makanan melalui proses tender. Seterusnya, RM1,800.00 diperuntukkan bagi seorang pelajar untuk aktiviti melibatkan akademik, ko-kurikulum dan juga program-program pembangunan pelajar. Jumlah agihan dana di bawah kategori kemasukan pelajar ini adalah bergantung kepada jumlah pelajar tahun semasa. Dari tahun 2018 hingga 2021, sebanyak RM10,080,000.00 telah diagihkan bagi tujuan ini.

Operasi

Agihan dana untuk operasi ini merupakan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan untuk SZK beroperasi. Antara belanja dalam kategori ini ialah gaji para guru dan juga kakitangan, utiliti asas dan kemudahan untuk proses pembelajaran seperti buku dan sebagainya. Sebanyak RM9,700,000.00 telah diagihkan bermula tahun 2018 hingga 2021.

Pembangunan Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur merupakan dana zakat yang diagihkan untuk tujuan baik pulih bangunan dan juga pembinaan bangunan baru. Bagi KASAH Keusahawanan, LZKNK telah membaikpulih bangunan sekolah yang terbengkalai, kemudian disusuli dengan proses pengambilan sekolah. Bagi MDS pula, bangunan sekolah yang ada sekarang sangat kecil, dengan kapasiti maksima 100 orang murid sahaja. Terdapat juga isu yang melibatkan tapak sekolah tersebut. Oleh itu, LZKNK telah menyediakan tapak sekolah yang baru dengan anggaran pembinaan bangunan sekolah sebanyak RM20,000,000.00. Kos ini dipecahkan mengikut anggaran kemajuan kerja (*work progress*) tahunan. Bermula tahun 2017 hingga 2021, RM18,287,684.00 diperuntukkan untuk MDS dan KASAH Keusahawanan.

Lain-lain

Dana lain-lain terdiri daripada sumbangan syarikat-syarikat swasta dalam bentuk bantuan wang saku, makanan dan kos pembinaan sekolah. Selain itu, 3/8 dari bayaran zakat guru-guru turut dipulangkan ke sekolah di bawah kategori ini. LZKNK menggunakan program yang dinamakan Skim Wakalah untuk mempromosi sumbangan dana ke SZK di bawah kategori ini. Ini bermaksud, jika syarikat-syarikat swasta mempunyai lebih dana, mereka boleh menyumbang secara khusus untuk tujuan ini. Misalnya, untuk tujuan pembinaan sekolah, LZKNK membuat pecahan kos seperti surau, bilik darjah berasingan, makmal dan mempromosikan kepada syarikat swasta. Syarikat boleh memilih untuk menaja pembinaan surau sahaja, atau sebuah kelas sahaja, bergantung kepada peruntukan mereka.

Bantuan Zakat Dan Peningkatan Kualiti Hidup

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, empat tema utama dikenalpasti dalam menerangkan bagaimana LZKNK menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup menerusi SZK. Tema-tema tersebut

adalah kelangsungan operasi sekolah, akses pendidikan anak-anak asnaf, penambahbaikan taraf hidup guru dan sistem sokongan sekolah. Bahagian seterusnya akan membentangkan dengan terperinci dapatan mengenai tema-tema yang dinyatakan;

Kelangsungan Operasi Sekolah

Kedua-dua SZK dalam kajian ini merupakan sekolah yang sentiasa mempunyai risiko ditutup akibat masalah kewangan. Menurut informan yang ditemu bual, MDS pernah ditutup beberapa kali kerana tiada punca kewangan untuk beroperasi. Situasi ini tentunya memberi kesan kepada pelajar-pelajar asnaf yang bersekolah. Jika situasi ini tidak ditangani, pelajar-pelajar asnaf ini berisiko untuk keciciran. Bantuan dari LZNK datang pada masa MDS sekali lagi berada dalam masalah kewangan, sebagaimana kenyataan dari Informan B;

“Asalnya sekolah ini adalah Sekolah Agama Rakyat biasa, yang mana dibantu oleh LZNK bermula pertengahan tahun 2018. Dan dalam masa yang sama diproses untuk pengambilan sepenuhnya oleh LZNK, disebabkan oleh pihak pentadbiran sudah tidak mampu untuk meneruskan operasi sekolah..(Informan B)”

Dalam situasi KASAH Keusahawanan pula, pengambilan sekolah bermula dengan bantuan LZNK menyiapkan projek bangunan sekolah yang telah terbengkalai. Anggaran RM10 juta diperuntukkan bagi menyiapkan bangunan tersebut supaya boleh digunakan. Informan A menerangkan bahawa fokus LZNK adalah kepada sekolah-sekolah sedia ada yang menghadapi masalah;

“Salah satu hasrat pihak LZNK adalah untuk membantu sekolah-sekolah sedia ada, yang mempunyai masalah seperti kewangan, kita akan bantu dalam permohonan SABK..(Informan A)”

Bantuan yang diberikan tidak hanya terhad kepada aspek kewangan, malah LZNK turut membantu SZK dalam permohonan menjadi SABK. Sekiranya permohonan SABK diluluskan, SZK akan bernaung di bawah KPM, namun kurikulum agama masih boleh diteruskan. SZK layak untuk menerima pelbagai bantuan di bawah KPM seperti urusan pentadbiran sekolah dan keperluan pembangunan fizikal sekolah. Secara tidak langsung, kebergantungan terhadap bantuan zakat boleh dikurangkan sedikit demi sedikit apabila SZK berjaya dalam permohonan SABK. Bagi pelajar pula, mereka akan mendapat bantuan yang setara dengan pelajar-pelajar dari aliran perdana. Selain itu, pelajar juga boleh menyertai aktiviti anjuran KPM dari aspek akademik atau ko-kurikulum dan membolehkan mereka bergaul dan bersaing dengan lebih ramai pelajar.

Melalui strategi menumpukan kepada sekolah sedia ada yang berdepan masalah, LZNK dapat mengurangkan risiko penutupan sekolah. Bantuan zakat kepada sektor pendidikan dapat dioptimumkan melalui cara ini, berbanding jika LZNK membuka sekolah baru khusus untuk pelajar asnaf. Bantuan dan bimbingan kepada pihak sekolah dalam memohon untuk menjadi SABK juga dapat menjamin kelangsungan operasi sekolah. SZK juga berpeluang menerima bantuan yang selayaknya sepertimana sekolah-sekolah aliran perdana yang lain.

Akses Pendidikan Anak-anak Asnaf

Kewujudan SZK menjadi akses kepada pelajar-pelajar dari keluarga asnaf untuk mendapatkan pendidikan secara formal, baik dari kurikulum kebangsaan mahupun kurikulum agama. Pada awalnya, sebelum pengambilan oleh LZNK, pelajar-pelajar sedia ada terdiri dari pelbagai latar belakang. Di awal pengambilan, LZNK mengambil langkah menghantar pelajar yang bukan kategori keluarga asnaf ke

sekolah yang berdekatan. Namun begitu, LZNK juga mempertimbangkan pelajar Tingkatan 5 KASAH Keusahawanan misalnya, untuk menamatkan pengajian mereka tanpa perlu dipindahkan ke sekolah lain.

Untuk masuk ke SZK, calon perlu melalui proses permohonan dan juga temu duga. Proses teliti ini dibuat bagi memastikan pelajar-pelajar ini betul-betul dari keluarga asnaf fakir atau miskin. Berikut merupakan petikan kenyataan informan mengulas mengenai latar belakang keluarga pelajar;

“..mereka memang daripada golongan susah. Sebelum PKP ini pun, masa bersemuka ada juga sempat saya sembang dengan beberapa waris. Ada keluarga yang memang ramai anak, adik beradik dalam 9 orang. Ayah saja yang bekerja. Jadi memang bantuan untuk seorang anak saja pun meringankan beban, kata waris. Sebab semua benda perlu bayar kan, bahkan kalau nak beli kalkulator sendiri untuk subjek matematik pun diberi bantuan..(Informan D)”

Berdasarkan ulasan Informan D di atas, keluarga asnaf ini mempunyai ramai ahli. Situasi keluarga seperti ini sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang tinggi, apatah lagi ketika anak-anak berada di alam persekolahan. Oleh itu, bantuan zakat walau hanya kepada seorang anak amat membantu keluarga asnaf meringankan tanggungan mereka, terutama dari segi yuran dan belanja persekolahan. Pelajar juga diwajibkan duduk di asrama, maka belanja makanan harian juga tidak perlu dirisaukan.

Turut bersetuju dengan Informan D, Informan C memberi komen mengenai kemahuan dan minat pelajar tetapi dibatasi oleh kekangan kewangan. Justeru, SZK memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pendidikan, seterusnya berpotensi untuk mengubah nasib keluarga pada masa hadapan. Berikut merupakan komen Informan C;

“Kalau kita tengok pelajar asnaf ini, mereka nak belajar, ada usaha dan sebagainya tapi duit tiada. Tapi bila mereka masuk di sini, mereka belajar, mereka dapat ilmu agama, mereka dapat pendidikan..boleh keluar daripada kesempitan hidup (pada masa akan datang)..(Informan C)”

Informan juga turut menerangkan mengenai usaha SZK memberi akses pendidikan pelajar-pelajar dari kalangan Orang Asli berdekatan;

“Suka saya cerita tentang anak-anak orang asal yang kita ambil pada mulanya seramai empat orang daripada Ulu Legong, Siong. Dan pelajar-pelajar ini memang pada peringkat awal saya cerita masuk zero lah. Memang akademik agak lemah..(Informan B)”

Walaupun telah menerima pendidikan sekolah rendah, pelajar dalam kategori ini masih perlu dibantu dari segi akademik dan juga amalan asas agama seperti solat. Dengan adanya SZK, pelajar-pelajar ini dapat dibantu dan diberi kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan.

Penambahbaikan Taraf Hidup Guru

Penutupan sekolah bukan sahaja memberi kesan kepada pendidikan anak-anak asnaf, malah turut menjejaskan punca pendapatan para guru. Informan dari MDS berkongsi mengenai gaji yang diterima sebelum pengambilan sekolah oleh LZNK seperti berikut;

“Sebab sebelum ini kami Sekolah Agama Rakyat kan, gaji kadang ada kadang tiada. Jadi bila zakat (LZNK) ambil (sekolah), untuk kami sendiri guru-guru, Alhamdulillah bolehlah tampung hidup..(Informan E)”

Sebelum pengambilan oleh LZNK, para guru hanya dibayar elaun sahaja. Elaun itu pula bergantung kepada kutipan sumbangan masyarakat. Jika kutipan tinggi, elaun yang diterima adalah tinggi. Para informan berkongsi bahawa mereka juga pernah bekerja tanpa elaun selama beberapa bulan disebabkan masalah ini. Risiko yang wujud dalam situasi ini adalah komitmen dan motivasi guru untuk hadir dan mengajar di sekolah. Oleh itu, dengan pengambilan LZNK terhadap sekolah zakat, para guru ditawarkan tangga gaji yang bersesuaian, jauh lebih baik dari situasi sebelumnya.

Usaha LZNK tidak hanya terhenti setakat penyelesaian isu gaji guru. Malah guru-guru ini juga diberi peluang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan;

“..cabaran dari guru sendiri mungkin dalam kalangan kami pun tidak banyak yang dapat pendedahan secara khusus berkenaan dengan kaedah pengajaran. Tahun ini amat bersyukur di mana semua guru-guru diberi peluang oleh Lembaga Pengurusan Sekolah Zakat untuk sambung pengajian dalam peringkat diploma pendidikan..(Informan J)”

Berdasarkan kenyataan di atas, Informan J berkongsi bahawa kebanyakan guru tidak mempunyai pendedahan mahupun pengalaman untuk menjadi pendidik. Justeru, ruang yang diberikan oleh pihak LZNK ini sangat membantu mereka untuk menjadi pendidik yang baik. Kenyataan ini turut disokong oleh informan berikut, yang mengaitkan kualiti guru terhadap kualiti pelajar;

“Dari semasa ke semasa kita juga mengharapakan penambahbaikan berkenaan dengan kualiti guru. Itu yang utama. Jadi bila guru yang berkualiti ini, kita mudah untuk lahirkan pelajar yang juga berkualiti..(Informan B)”

Selain memberi ruang untuk para guru menyambung pengajian mereka dalam pendidikan, LZNK turut menawarkan pinjaman *qardul hassan* kepada para guru untuk menampung perbelanjaan pengajian mereka. Mereka boleh menggunakan kemudahan ini untuk membayar yuran dan sebagainya. Bayaran semula dibuat dengan kaedah potongan gaji. Usaha LZNK bukan hanya terhenti di situ, malah ada juga program-program yang dibuat khusus kepada guru, dalam memberi nilai tambah kepada guru-guru sebagai pendidik. Informan I menjelaskan peranan LZNK seperti berikut;

“..zakat menyediakan banyak ruang dan laluan untuk peningkatan guru peringkat sekolah zakat, sebab kebanyakan guru ini, mereka boleh mengajar, cuma di peringkat zakat, mereka sentiasa cari tambah nilai yang boleh diberikan kepada guru. Macam-macam latihan, macam macam kursus disediakan, macam JPN lah kiranya. Peranan memang ketara dalam hal itu...(Informan I)”

Selain itu, sekiranya SZK telah berjaya menjadi SABK, para guru juga berpeluang diserap masuk ke skim perkhidmatan awam dan menikmati manfaat-manfaat yang sama seperti guru yang berada di arus perdana. Antara manfaat yang boleh diperoleh ialah kenaikan pangkat, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan pelbagai lagi kemudahan sebagai penjawat awam. Hal ini menunjukkan bahawa LZNK juga memainkan peranan yang besar terhadap para guru dalam peningkatan kualiti hidup mereka, melalui operasi SZK.

Sistem Sokongan Sekolah

Selain guru dan pelajar, kelangsungan operasi sekolah zakat ini juga memberi ruang kepada pelbagai pihak untuk menjadi sebahagian dari sistem sokongan sekolah. Peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat diwujudkan contohnya seperti kerani, pengawal keselamatan, tukang kebun dan pekerja kebersihan. Untuk skala lebih besar, tender operasi penyediaan makanan asrama, pembekalan buku dan pakaian seragam untuk majlis, penganjuran program motivasi atau apa saja aktiviti berkaitan sekolah

memberi ruang kepada pihak-pihak lain untuk turut sama menerima manfaat hasil dari kelangsungan operasi SZK. Berikut merupakan kenyataan oleh informan berkenaan hal ini;

“..kita kata macam pengawal keselamatan, tukang kebun, pekerja pembersihan pun orang sekitar sini juga. Mereka pun bukan orang senang kan. Bila ada staf yang dari kawasan sekitar, lagi mudahlah jika ada apa-apa masalah kita nak minta bantuan ke. Memang mudah..(Informan E)”

Berdasarkan kenyataan informan di atas, kelangsungan operasi SZK turut membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Walaupun peluang pekerjaan yang diwujudkan bukanlah pada tahap yang tinggi seperti profesional, sekurang-kurangnya golongan yang memerlukan mempunyai pendapatan tetap setiap bulan melalui pekerjaan tersebut. Pernyataan Informan E ini diturut dipersetujui oleh Informan D, sebagaimana petikan berikut;

“..Saya rasa masyarakat dapat impak positif jugalah sebab macam pekerja kantin contohnya, yang dekat situ pun penduduk situ saja. Dia kata Alhamdulillah ada rezeki dia boleh bekerja di situ..(Informan D)”

PERBINCANGAN

Penyelidikan ini cuba untuk menghuraikan bantuan zakat yang diberikan dalam sektor pendidikan. Bagi pendidikan menengah sahaja, khusus untuk dua SZK dalam skop penyelidikan ini, LZNK telah mengagihkan sebanyak RM41 juta dari tahun 2017 hingga 2021. Jika Othman et al. (2020) telah menghuraikan mengenai agihan zakat pendidikan di Kedah secara keseluruhan, di mana lebih kurang RM186 juta diagihkan dari tahun 2016 hingga 2019, penyelidikan ini pula melihat secara terperinci bagaimana agihan zakat terhadap satu kelompok yang lebih kecil dilaksanakan. Berbeza dengan Wahed et al. (2004) yang mencadangkan pemberian biasiswa pendidikan sahaja, penyelidikan ini juga mendapati pihak zakat masih perlu membantu dari segi yuran dan keperluan persekolahan yang lain. Ini kerana pelajar dari SAR ini tidak mendapat bantuan seperti pelajar di sekolah aliran perdana. Penyelidikan ini juga mendapati bahawa selain dana zakat, LZNK juga memperuntukkan dana dari sumbangan syarikat swasta untuk SZK.

Seterusnya, dalam membincangkan kesan bantuan zakat terhadap peningkatan kualiti hidup, empat tema utama telah dikenalpasti dan dibincangkan iaitu kelangsungan operasi sekolah, akses pendidikan anak-anak asnaf, penambahbaikan taraf hidup guru dan juga sistem sokongan sekolah. Adalah wajar untuk dinyatakan di sini bahawa kelangsungan operasi sekolah mungkin tidak dapat dilihat sebagai kesan langsung bantuan zakat terhadap peningkatan kualiti hidup. Tetapi dengan wujudnya sekolah ini hasil bantuan zakat, ia memberi peluang kepada anak-anak asnaf untuk mendapatkan pendidikan berterusan, mewujudkan peluang kerja yang stabil kepada para guru dan membuka ruang sumber pendapatan kepada pihak lain melalui sistem sokongan sekolah.

Inisiatif LZNK dalam menumpukan sekolah-sekolah yang bermasalah, berbanding membina sekolah yang baru untuk golongan asnaf ini membolehkan dana zakat diuruskan dengan lebih baik. Sebagai contoh, projek menyiapkan bangunan terbengkalai KASAH Keusahawanan memakan belanja sehingga RM10 juta, manakala pembinaan MDS di tapak yang baru adalah sebanyak RM20 juta. Sudah tentu terdapat perbezaan seperti saiz dan fasiliti antara kedua-dua sekolah, kos masa dan sebagainya. Akan tetapi perbezaan ketara dalam kedua-dua projek ini adalah tapak sedia ada dan tapak baharu yang perlu diperolehi LZNK. Selain itu, sekolah sedia ada telah mempunyai komuniti pelajar dan masyarakat yang bergantung kepada sekolah berkenaan untuk mendapatkan akses pendidikan. Apa yang perlu dilakukan adalah penambahbaikan seperti permohonan SABK, supaya sub-komponen pendidikan seperti yuran

sekolah, pengajaran guru dan kaedah pembelajaran dioptimumkan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Samion & Awang, 2017).

Kajian oleh penyelidik terdahulu seperti Ahmad (2008), Maznah et al. (2016), Harmini et al. (2018) dan Razak (2020) telah membuktikan bahawa pendidikan mampu menawarkan kualiti hidup yang lebih baik kepada asnaf. Namun begitu, antara cabaran utama yang dihadapi golongan asnaf ini adalah akses kepada pendidikan itu sendiri. Akses kali pertama terhadap pendidikan juga tidak menjamin mereka untuk terus menghabiskan pengajian di persekolahan. Kepayahan mereka untuk menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal, pakaian dan makanan sudah cukup untuk mereka melepaskan keinginan untuk menyambung pelajaran. Hal ini menyumbang kepada keciciran pelajar (Jamaluddin, 2011; Putri & Prahesti, 2017), baik di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Melalui SZK, anak-anak asnaf ini diberikan akses pendidikan yang berterusan dan lebih terjamin. Mereka juga merupakan harapan keluarga, supaya dapat mengubah nasib dan memperbaiki ekonomi diri pada masa hadapan. Ini kerana, walaupun SZK hanya menawarkan bantuan pendidikan di peringkat menengah, Muhammad et al. (2018) telah pun menjelaskan mengenai bantuan-bantuan zakat di peringkat pengajian tinggi. Selari dengan Awang et al. (2006), Ahmad (2008) dan Maznah et al. (2016) peluang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi ini membolehkan anak-anak asnaf di SZK mendapatkan pekerjaan yang memberi pendapatan yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan kualiti hidup keluarga.

Penyelidik juga mendapati, dalam membincangkan agihan dana zakat dan pendidikan, kebanyakan penyelidik terdahulu seperti Ab Rahman dan Anwar (2014a), Ismail dan Daud (2015), Othman dan Abdul Mukti (2018) dan juga Othman et al. (2019) lebih tertumpu kepada kesan langsung bantuan zakat terhadap keluarga asnaf. Amat kurang penyelidikan yang menghuraikan kesan bantuan ini terhadap pemegang taruh yang berkaitan seperti guru dan juga masyarakat setempat. Golongan ini bukanlah asnaf, tetapi dengan wujudnya bantuan zakat menerusi SZK, golongan ini turut menerima kesan positif. Sebagaimana yang telah dinyatakan, para guru sebelum ini hanya dibayar elaun sahaja. Adakalanya mereka tidak menerima elaun selama beberapa bulan disebabkan masalah kewangan sekolah. Kelangsungan operasi SZK ini membolehkan para guru mempunyai kerja tetap dan pendapatan yang stabil. Begitu juga dengan peluang pekerjaan lain yang diwujudkan melalui SZK. Pekerjaan dan sumber pendapatan membolehkan individu menambahbaik kualiti hidup, sebagaimana yang dijelaskan Akranavičiūtė dan Ruževičius (2007).

Berdasarkan perbincangan di atas, LZNK dilihat telah berjaya memberi peluang peningkatan kualiti hidup kepada semua pemegang taruh yang terlibat secara langsung seperti asnaf mahupun tidak langsung, seperti para guru dan pihak lain menerusi institusi pendidikan iaitu SZK. Model operasi SZK ini wajar diteruskan dan dikembangkan agar ia dapat memberi manfaat kepada lebih banyak pihak. Tambahan pula, permohonan terhadap SABK membolehkan LZNK mengurangkan kebergantungan SZK terhadap dana zakat. Oleh itu, peruntukan zakat yang besar kepada SZK hanya berlaku pada peringkat awal pengambilan sahaja. Jika Rizal et al. (2020) mencadangkan model sekolah asrama berteraskan ekonomi Islam, LZNK lebih fokus kepada bidang keusahawanan dalam operasi SZK, dengan harapan supaya pelajar yang lahir dari SZK sedikit sebanyak diterapkan minat untuk menjadi usahawan. Dengan itu, mereka juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain, selain menambahbaik kualiti hidup mereka sendiri.

KESIMPULAN

Pendidikan merupakan satu jalan yang panjang dalam usaha untuk mengubah dan mengeluarkan asnaf dari belenggu kemiskinan. Namun begitu, pelbagai dapatan penyelidikan terdahulu telah membuktikan bahawa pendidikan terbukti berkesan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Hal ini juga terbukti apabila pendidikan dijadikan agenda nasional, diterjemah melalui Dasar Pendidikan Negara dan usaha-usaha yang berterusan dilaksanakan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mempunyai

akses kepada pendidikan. Institusi zakat turut tidak ketinggalan dalam usaha ini, yang mana ia lebih berfokus kepada golongan asnaf sahaja. Inisiatif LZNK dalam membantu asnaf melalui SZK memberi harapan kepada mereka dalam membina kehidupan yang lebih baik, bermula dengan pendidikan.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi geran penyelidikan Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ). Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan bertajuk 'Impak Penubuhan Sekolah Zakat Kedah Kepada Peluang Akses Pendidikan Agama Berkualiti Kepada Anak-Anak Asnaf Di Kedah' di bawah Dana Geran IPIZ UUM Kod S/O 14730.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., & Anwar, S. M. (2014a). Dana Zakat Dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia. *Prosiding PERKEM Ke-9*, 9, 208–215.
- Ab Rahman, A., & Anwar, S. M. (2014b). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, December, 23–32.
- Ahmad, A. (2008). Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1–8.
- Akranavičiūtė, D., & Ruževičius, J. (2007). Quality of Life and its Components ' Measurement. *Engineering Economics*, 2(52), 44–49.
- Ali, H., Ahmad, L., Ahmad, S., & Ali, N. (2009). Keperluan, Kepentingan Dan Sumbangan Perancangan Pendidikan Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 4(1), 13–29.
- Awang, A., Hadi, A. S., Jahi, J. M., Ahmad, A., & Shah, A. H. H. (2006). Mendefinisi Semula Makna Kualiti Hidup Masyarakat Bandar Dalam Konteks Ilmu Sosial. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 7, 19–32.
- Harmini, H., Ismail, A. G., & Zaenal, M. H. (2018). Strategic Role of Zakat in Multidimensional Quality of Life in Sijunjung, Indonesia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 15(1), 55–72.
- Ibrahim, P. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Shariah Journal*, 16(2), 1–23.
- Ismail, H., & Daud, M. N. (2015). Agihan Zakat Terhadap Asnaf Ibn Al-Sabil Di Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 9(2), 83–96.
- Jamaluddin, Z. (2011). Kemiskinan dan Keciciran dalam Pendidikan. *Journal Kebajikan Masyarakat*, 37(9), 5–17.
- Jason, D. E., Lance, W. R., & Below, S. von. (2012). Education and Quality of Life. In *Handbook of Social Indicators and Quality of Life Research*.
- Khalifah, M. H., Kasri, R. A., & Aslan, H. (2022). Mapping the evolution of ZAKAH theme publications years 1964- 2021 : a bibliometric analysis. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Maznah, W., Harun, W., Awang, A., & Man, S. (2016). Kualiti hidup dan tahap pendidikan isi rumah di pinggir bandar di Malaysia : Satu penerokaan isi rumah di Mukim Rawang II , Selangor Quality of life and educational level of sub-urban households in Malaysia : An analysis of Mukim Rawang II households , Se. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 92–103.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research : A Guide To Design and Implementation*. Jossey-Bass.
- Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem Pendidikan Di Malaysia : Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan Ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33–48.

- Mohd Khalid, M. K. A. (2021). Jumlah Keciciran Murid 2018 Lebih Tinggi. *Sinar Harian*.
- Muhamad, N. H. N., Sahid, M. F. M., Kamaruddin, M. K., & Karim, K. A. (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 138–149.
- Othman, A., Yusof, S. M., Tahir, R. M., Hashim, M., & Makhsin, M. (2020). Kesan Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Anak-anak Asnaf Di Negeri Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(2), 69–78.
- Othman, Y., & Abdul Mukti, M. F. (2018). Memperkasa Institusi Pendidikan Melalui Agihan Balik Zakat. *International Journal of Muamalat*, 2(1), 1–5.
- Othman, Z., Ahmad, R., & Mazlan, M. N. N. M. (2019). Sekolah Zakat : Mekanisme Membangunkan Asnaf Fakir Dan Miskin Menerusi Pendidikan Di Negeri Kedah. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy*, 1(1), 7–13.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods* (3rd ed.). Sage Publication, Inc.
- Putra, T. M. (2021). Edu Nation : Addressing The Issue of School Dropouts. *The Edge*.
- Putri, P. P., & Prahesti, D. D. (2017). The Role of Zakah in Improving the Quality of Children's Education. *International Conference of Educational Science*, 414–419.
- Razak, S. H. A. (2020). Zakat and waqf as instrument of Islamic wealth in poverty alleviation and redistribution: Case of Malaysia. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(3–4), 249–266.
- Rizal, A., Fauziyah, N. E., Ma'aruf, A., & Susilo, A. (2020). Integrating Zakah and Waqf for Developing Islamic Economic Boarding School (IEBS) Project in Indonesia. *Journal of Islamic Economics and Philanthropy*, 03(02), 697–716.
- Ross, C. E., & Willigen, M. Van. (1997). Education and the Subjective Quality of Life. *Journal of Health and Social Behavior*, 38(3), 275–297.
- Ross, C. E., & Wu, C. L. (1996). Education, age and the cumulative advantage in health. *Journal of Health and Social Behavior*, 37, 104–120.
- Sadeq, A. M. (1996). Ethico-Economic Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grassroot Development. *Humanomics*, 12(2), 47–69.
- Samion, S. S., & Awang, A. (2017). Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267–280.
- Shenton, A. K. (2004). Strategies for ensuring trustworthiness in qualitative research projects. *Education for Information*, 22, 63–75.
- Stapa, Z., Yusuf, N., & Shahrudin, A. F. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari, Special Edition*, 7–22.
- Subra, T., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Family's Socio-Economic Influence on the Dropout of Indian Students: a Case Study in the District of Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77–91.
- Wahed, H., Ahmad, S., & Mohd Noor, M. A. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir Dan Miskin. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151–166.
- Yin, R. K. (2014). *Case Study Research : Design and Methods* (Fifth Edit). Sage Publication, Inc.